

Qalam

Bilangan 74 Safar 1376 September 1956 60 sen

Dari Hal Kita

Beberapa perkara telah ditimbulkan oleh sahabat-sahabat terbit daripada suatu rencana tentang Qalam menghadapi kemajuan-kemajuan yang sedang berjalan masa ini. Di antara fikiran-fikiran yang telah disampaikan kepada kita bahawa kemajuan dan kecergasan yang didapati oleh percetakan Qalam kononnya dituduh sebagai mendapat sesuatu bantuan material daripada salah satu golongan. Mereka itu berpendapat bahawa kemajuan yang pesat itu tidak akan didapat melainkan dengan bantuan-bantuan yang berupa material itu.

Pihak kita wajib menyatakan bahawa pada masa percetakan Qalam ini dimulai pada bulan Februari 1948 adalah dengan satu cara yang diasaskan kepada percaya kepada tenaga dan usaha diri sendiri dengan natijahnya ditawakalkan kepada Allah. Berasas kepada inilah, sambil cuba membuat khidmat membentuk masyarakat dengan kadar yang terdaya, maka tuan punya percetakan Qalam bekerja menurut tuntutan yang diberikan oleh Allah iaitu: Hendaklah kamu berusaha untuk selamanya; dan sesudah kamu menunaikan sembahyang bersebarlah kamu di bumi Allah untuk mencari rezeki. Demikian itulah dengan kecergasan mengikuti perubahan-perubahan atau mengikuti perkembangan-perkembangan dan daripada peluang-peluang itulah pada masa itu diterbitkan buku-buku yang

mengulas perkara-perkara yang hangat dan Alhamdulillah dengan cara itu mendapat pula sambutan yang baik iaitu cukup dengan penjualan buku yang terkadang-kadang lima ribu naskhah dijual hanya di dalam masa tiga minggu sahaja.

Kemudian pada bulan September 1950 dengan kadar yang terupaya dan dengan berhutang pula kepada seorang berdua maka percetakan dimulai dengan menggunakan sebuah mesin perbuatan Hong Kong yang murah serta sebuah mesin pemotong kertas. Dengan adanya ini maka di dalam menerbitkan buku-buku itu disambalkan pula menerima upahan-upahan mencetak dan dari semenjak mulanya dahulu tuan punya percetakan ini bekerja daripada pukul 7 setengah pagi membawa kepada pukul 10 sampai 11 malam tidak berhenti kecuali makan dan sembahyang sahaja. Alhamdulillah dengan taufiq Allah ia mendapat kemajuan yang pesat dan dengan keberanian serta kecekalan sekalipun dengan “mengikat perutnya” ia menambahkan alat-alatnya dan akhirnya terciptalah seperti sekarang. Kerana mengharapkan langkahnya yang besar Qalam dijadikan Qalam Press Limited tetapi malangnya apa yang diharap sampai bertambah besar kemajuannya tidak didapat langsung dan di dalam masa itulah kemajuan yang didapat tadi mundur semundur-mundur disebabkan percetakan Qalam tidak lagi mengarahkan usahanya kepada dua segi. Mengadakan penerbitan dan menerima upahan.

Selama 16 bulan Qalam Press Limited membawa bukannya keuntungan tetapi kerugian hingga menjadi penderitaan yang besar disebabkan perbelanjaan-perbelanjaan lebih besar daripada hasil-hasil yang diterima.

Semuanya itu adalah takdir Tuhan dan tatkala melihat keadaan yang demikian maka dengan sedaya upaya Qalam Press Limited itu dihapuskan dan dibalikkan semula menjadi hak milik perseorangan sebagaimana ditubuhkan. Alhamdulillah dengan tadbir yang baik

dan dengan suatu cara yang digunakan oleh tiap-tiap orang berniaga iaitu mengecilkan perbelanjaan dengan sekecil-kecilnya sedang di dalam pada itu berikhtiar membesarkan hasil-hasil dengan menumpukan tenaga serta keyakinan maka mulai tahun 1956 segala tanggungan dan penderitaan semenjak Qalam Press Limited, dapatlah dilepaskan. Tetapi menghadapi ini, menghadapi keadaan ini bukanlah satu pekerjaan yang ringan. Tuan punya sendiri terus bekerja bukannya hanya dari tujuh setengah pagi tetapi terkadang-kadang lepas sahaja sembahyang Subuh telah menyelenggarakan kerja-kerja karang mengarang sampai pukul 10 atau 11 siang dan pentadbirkan hal-hal pejabatnya terus kepada malam sehingga pukul 10 atau 11 malam dengan tidak ada mempunyai cuti rehat, cuti kelepasan hari Sabtu atau Minggu, tetapi bekerja terus. Di sebalik penerbitan maka yang diutamakan ialah barang-barang upahan.

Apa yang telah kita terangkan di sini bolehlah menjadi bukti atau keterangan untuk menafikan tuduhan-tuduhan yang ada diingin-anginkan itu. Kemajuan yang didapati oleh Qalam tidak lain dan tidak bukan ialah kerana mengikut sunnah Tuhan – bekerjalah seolah-olah kamu hidup untuk selamanya. Tidak boleh malas, tanpa berkeyakinan dan bertawakkal kepada Allah tentang hasil-hasilnya. Sekiranya mendapat bantuan daripada orang lain tentulah Qalam tidak akan menderita sebagaimana penderitaannya pada masa dijadikan Qalam Press Limited dahulu di mana dalaman kerugian-kerugian yang besar telah diderita olehnya. Adalah menjadi satu perkara yang bukan-bukan atas kecemburuan itu. Pihak percetakan Qalam sentiasa bercita-cita dan bertujuan biar tuan punya menyekat diri, membanting tulang dengan berhabis-habisan asalkan nama percetakannya dapat dijaganya makin besar makin maju daripada hasil usahanya yang Alhamdulillah mendapat sambutan yang baik dari tiap-tiap

pembaca, penggemarnya dan pengupah-pengupahnya. Tidaklah sifat percetakan Qalam itu sebagai satu tempat “*capitalist*” sebagaimana pernah disebut oleh setengah-setengah kawan di dalam bercakap-cakap kerana yang punya sendiri membanting tulang lebih daripada pekerja-pekerjanya dan pada masa susahny ia sentiasa memberi kelapangan kepada pekerja-pekerja dengan mengadakan hadiah-hadiah khas dalam hari raya sekalipun tanggungannya boleh dikatakan berat juga.

Maju atau jatuh sesuatu perusahaan itu bukanlah, menurut keyakinan kita, daripada usaha dan kekuasaan kita tetapi yang demikian itu adalah perkara biasa yang terletak di dalam kekuasaan Tuhan. Oleh sebab itu tidaklah menjadi soal kiranya datang percubaan Tuhan kepada percetakan Qalam sehingga ia akan jatuh tetapi walau bagaimanapun ia berharap kepada Tuhan mudah mudahan Qalam akan maju dan dapat pula memberikan khidmat-khidmat yang tertentu kepada umat Islam khususnya kerana apa jua pun yang akan diterbitkannya asasnya ialah cuba masyarakat dengan jalan-jalan yang difikirkan sesuai membentuk dengan keadaan dan kedudukan pembaca-pembaca. Kepada Allah kita meminta supaya diberinya hidayah dan taufiq dan kepadanya kita serahkan maju mundur, naik jatuhnya, kerana ia yang berkuasa bukan daripada makhluk-Nya – Amin.

Oleh kerana kerja-kerja dan kesibukan yang Tak dapat dielakkan yang menghendaki segera pulang Ke Indonesia, maka Tuan Muhammad Natsir, Ketua Agung Masyumi tak dapat singgah di Singapura Sepulangan dari haji sebagaimana yang dijanjikannya dalam telegramnya kepada kita. Harap pembaca-pembaca Qalam maklum khususnya anggota-anggota Ikhwan.